

**Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Potongan Dua Kali Untuk
Perbelanjaan Penyelidikan Dan Pembangunan
Di Bawah Seksyen 34A
Akta Cukai Pendapatan 1967**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

KANDUNGAN

Muka Surat

1.	Objektif	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Permohonan Bagi Projek/Aktiviti Penyelidikan Yang Diluluskan	1-2
4.	Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Dua Kali	2-5
5.	Prosedur Permohonan	6-8

**Garis Panduan Bagi Permohonan Potongan Dua Kali Untuk
Perbelanjaan Penyelidikan Dan Pembangunan
Di Bawah Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967**

1. **Objektif**

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan kriteria kelayakan, perbelanjaan yang dibenarkan dan prosedur am bagi memohon insentif potongan dua kali atas perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

2. **Latar Belakang**

Insentif potongan dua kali bagi perbelanjaan R&D telah diperkenalkan mulai tahun taksiran 1987. Sehingga 31.12.1996, permohonan untuk mendapatkan insentif ini diproses oleh dua agensi Kerajaan iaitu Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) yang memproses permohonan bagi projek/aktiviti R&D yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan LHDN yang memproses tuntutan perbelanjaan yang dibenarkan. Mulai 1.1.1997, Menteri Kewangan telah memberi arahan supaya LHDN turut memproses dan memberi kelulusan bagi permohonan untuk projek/aktiviti R&D.

3. **Permohonan Bagi Projek/Aktiviti Penyelidikan Yang Diluluskan**

3.1 **Kriteria Kelayakan**

3.1.1 Takrif penyelidikan bagi maksud permohonan ini adalah seperti berikut:-

“Penyelidikan ditakrifkan sebagai apa-apa kajian sistematik atau intensif yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan untuk menggunakan hasil kajian itu untuk pengeluaran atau perbaikan bahan, alat, keluaran, hasil atau proses, **tetapi tidak termasuk:-**

- (i) kawalan mutu atau pengujian rutin bahan, alat, keluaran atau hasil;
- (ii) penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan;

- (iii) pemungutan data rutin;
- (iv) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan; dan
- (v) penyelidikan pasaran atau penggalakan penjualan.”

3.1.2. Penyelidikan yang dijalankan mestilah selaras dengan matlamat negara dan memberi faedah kepada ekonomi negara.

3.1.3 Penyelidik-penyelidik asing boleh diambil. Walau bagaimanapun syarikat digalakkan melatih warganegara Malaysia.

3.1.4 Aktiviti yang hanya melibatkan ujian ke atas sesuatu produk bagi menyesuaikan ciri produk tersebut kepada piawaian yang ditetapkan bagi pendaftaran wajib produk berkenaan mengikut kehendak mana-mana undang-undang di Malaysia (seperti bahan kimia pertanian dan produk farmasi) tidak dianggap sebagai aktiviti R&D bagi maksud tuntutan potongan dua kali.

3.1.5 Adalah digalakkan keseluruhan aktiviti penyelidikan dijalankan di Malaysia. Sila rujuk kepada sekatan ke atas perbelanjaan perkhidmatan teknikal yang dibenarkan di perenggan 4.2.3 dalam garis panduan ini.

4. **Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Yang Dibenarkan Untuk Potongan Dua Kali**

4.1 **Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan**

4.1.1 Perbelanjaan modal yang dilakukan bagi loji dan jentera, lekapan, tanah, premis, bangunan, struktur atau binaan yang bersifat kekal.

4.1.2. Perbelanjaan yang berkaitan dengan ubahsuai, tambahan dan sambungan bagi perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 4.1.1 di atas.

4.1.3 Perbelanjaan bagi memperoleh hak ke atas sesuatu harta.

4.2 Perbelanjaan Yang Dibenarkan

4.2.1 Bahan-bahan yang digunakan dalam penyelidikan.

Tidak termasuk pembelian aset tetap yang digunakan dalam penyelidikan.

4.2.2 Tenaga manusia dalam projek penyelidikan

Hanya perbelanjaan gaji pokok kakitangan yang terlibat secara langsung dalam projek penyelidikan sahaja layak dipertimbangkan untuk potongan dua kali. Perbelanjaan seperti KWSP, SOCSO, bonus, perubatan, manfaat berupa barangan dan lain-lain tidak layak dipertimbangkan untuk potongan dua kali. Sekiranya seseorang kakitangan tidak terlibat dalam projek penyelidikan secara sepenuh masa, amaun yang dituntut hendaklah berpandukan kepada masa yang diperuntukkan ke atas kerja-kerja penyelidikan.

4.2.3 Perkhidmatan teknikal

Meliputi:-

- (i) Yuran perunding yang dibayar kepada sesebuah organisasi penyelidikan atau seseorang untuk mendapatkan maklumat/nasihat tentang projek penyelidikan yang dijalankan.
- (ii) Bayaran kepada sesebuah organisasi kerana menggunakan peralatan ujian seperti yang terdapat di SIRIM, FRIM dan universiti-universiti.
- (iii) Bayaran kepada sesebuah organisasi atau seseorang di atas perkhidmatan analisis dan penilaian/pemprosesan data.

Bayaran di atas tertakluk kepada sekatan-sekatan berikut:-

- (a) Sekiranya 30% atau lebih daripada perbelanjaan yang dibenarkan bagi sesuatu projek penyelidikan adalah bagi perkhidmatan teknikal yang dijalankan di Malaysia, maka kesemua perbelanjaan bagi perkhidmatan teknikal tersebut boleh diluluskan untuk potongan dua kali.
- (b) Sekiranya lebih daripada 70% daripada perbelanjaan yang dibenarkan bagi sesuatu projek penyelidikan adalah bagi perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar negara, maka kesemua perbelanjaan bagi perkhidmatan teknikal tersebut tidak boleh diluluskan untuk potongan dua kali. Walau bagaimanapun, perbelanjaan biasa yang dibenarkan dan dilakukan di dalam negeri seperti perbelanjaan ke atas bahan mentah, perjalanan, pengangkutan dan lain-lain boleh diluluskan untuk potongan dua kali.
- (c) Bagi perkhidmatan teknikal yang diperolehi dari luar negara tetapi dijalankan di Malaysia, maka kesemua perbelanjaan bagi perkhidmatan teknikal tersebut boleh diluluskan untuk potongan dua kali.

4.2.4 Kos perjalanan

- (i) Kos perjalanan bagi kakitangan penyelidikan melawat tempat-tempat penyelidikan. Perbelanjaan yang dibenarkan ialah kos perjalanan dan elaun harian. Elaun harian terhad kepada RM400.00 seorang atau kos sebenar yang dilakukan, yang mana lebih rendah. Elaun ini termasuk elaun makanan dan penginapan/hotel semasa melakukan lawatan ke tempat-tempat penyelidikan.
- (ii) Kos perjalanan bagi kakitangan penyelidikan menghadiri seminar/kursus yang berkaitan dengan projek penyelidikan di dalam atau luar negara. Perbelanjaan yang dibenarkan ialah kos perjalanan dan elaun harian serta yuran kursus/seminar. Elaun harian terhad kepada RM400.00 seorang atau kos sebenar yang dilakukan, yang mana lebih rendah. Elaun ini termasuk elaun makanan dan penginapan/hotel semasa menghadiri kursus atau seminar.

Bagi perjalanan yang melibatkan pengangkutan udara, hanya kos perjalanan kelas ekonomi (pergi dan balik) sahaja yang akan dipertimbangkan.

4.2.5 **Kos pengangkutan**

Kos pengangkutan bahan-bahan yang digunakan dalam penyelidikan.

4.2.6 **Kos penyelenggaraan**

- (i) Kenderaan;
- (ii) Bangunan;
- (iii) Peralatan dan jentera;

yang digunakan secara langsung untuk projek penyelidikan.

4.2.7 **Sewa**

- (i) Kenderaan;
- (ii) Bangunan;
- (iii) Peralatan dan jentera;

yang digunakan secara langsung untuk projek penyelidikan.

4.2.8 **Lain-lain perbelanjaan**

Tuntutan perbelanjaan **selain daripada** yang dikategorikan di perenggan 4.2.1 hingga 4.2.7 di atas boleh dibuat jika tidak menyalahi prinsip pemberian potongan dua kali di bawah Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967. Maklumat terperinci mengenai jenis perbelanjaan dan hubungannya dengan projek penyelidikan hendaklah diberikan.

5.

Prosedur Permohonan

- 5.1 Mulai 1.1.1997 permohonan bagi projek/aktiviti R&D yang diluluskan dan bagi perbelanjaan yang dibenarkan untuk maksud menuntut potongan dua kali akan diproses oleh Bahagian Teknikal, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, selepas menerima kelulusan bagi perkara di atas daripada Bahagian Teknikal, Ibu Pejabat LHDN, pemohon perlu menuntut potongan dua kali dalam **Borang Nyata Cukai Pendapatan** untuk dikemukakan kepada pejabat cawangan LHDN berkenaan.
- 5.2 Permohonan hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran dalam Borang DD1/RD/1997 dan dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan kepada:-

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
Unit 35, Bahagian Teknikal
Blok 11, Tingkat 14,
Jalan Duta,
50600 Kuala Lumpur.

- 5.3 Borang **DD1/RD/1997** boleh diperolehi dari Bahagian Teknikal, LHDN, Kuala Lumpur atau dari mana-mana pejabat cawangan LHDN. Pemohon juga boleh membuat salinan bagi borang ini. Satu salinan borang ini disertakan bersama garis panduan untuk rujukan tuan.
- 5.4 Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh penutupan akaun dalam mana perbelanjaan R&D tersebut dilakukan.
- 5.5 Syarikat pemohon diperlukan membuat pengakuan dalam borang permohonan bahawa projek/aktiviti yang mana permohonan dibuat adalah projek/aktiviti R&D.
- 5.6 Jika perlu, pemohon akan dipanggil untuk memberi keterangan berhubung dengan projek/aktiviti R&D yang dijalankan.

- 5.7 Pemohon diperlukan memberi kebenaran dalam borang permohonan bagi pegawai-pegawai LHDN dan mana-mana pakar yang dibawa bersama memeriksa berhubung dengan projek/aktiviti R&D dan perbelanjaan yang dituntut di premis perniagaan pemohon atau di lokasi di mana penyelidikan dijalankan.
- 5.8 Pengakuan oleh pemohon dalam borang permohonan hendaklah dibuat oleh pengarah syarikat. Manakala perbelanjaan bagi projek/aktiviti R&D yang diluluskan dan yang mana potongan dua kali dituntut hendaklah disahkan oleh Juruaudit bertauliah.
- 5.9 Pemohon dinasihatkan memberi maklumat yang betul seperti dikehendaki dalam borang permohonan. Jika didapati kemudian bahawa maklumat yang diberikan tidak betul atau palsu, LHDN akan terus menarik balik kelulusan bagi potongan dua kali. Selain daripada itu, bagi kes-kes tertentu, LHDN akan mengambil tindakan undang-undang menurut peruntukan di bawah seksyen 113 dan 114 Akta Cukai Pendapatan 1967 terhadap pemohon.
- 5.10 Sekiranya permohonan dibuat untuk lebih daripada satu projek penyelidikan, maklumat-maklumat dalam Bahagian B dan C borang permohonan hendaklah diberi secara berasingan bagi tiap-tiap projek. (Jika beberapa projek penyelidikan yang dijalankan serentak adalah di bawah satu program penyelidikan yang khusus, sila nyatakan program tersebut dan objektif keseluruhannya).
- 5.11 Syarikat induk yang menjalankan projek/aktiviti penyelidikan di suatu Pusat Penyelidikan bagi syarikat-syarikat dalam kumpulannya boleh mengemukakan satu permohonan bagi taraf penyelidikan dan bagi tuntutan potongan dua kali bagi pihak anak-anak syarikat. Walau bagaimanapun butiran bagi setiap anak syarikat perlu dinyatakan dengan jelas dan secara berasingan.
- 5.12 Bagi projek/aktiviti yang telah diberi kelulusan taraf penyelidikan untuk tempoh tiga(3) tahun oleh Kementerian Kewangan dan tempoh tersebut belum berakhir, syarikat pemohon boleh terus menuntut potongan dua kali dengan menggunakan Borang DD1/RD/1997 tanpa perlu memohon kelulusan bagi projek/aktiviti R&D sekali lagi. Walau bagaimanapun pemohon diperlukan memberi maklumat asas seperti yang dikehendaki dalam soalan 2 dan 3.7 Bahagian B serta menyatakan tempoh dan rujukan kelulusan tersebut dalam borang permohonan.

- 5.13 Bahagian Teknikal, LHDN akan mengeluarkan surat kelulusan atau penolakan, mengikut mana yang berkaitan, kepada pemohon dan satu salinan dikirimkan kepada pejabat Cawangan LHDN yang berkenaan. Kelulusan yang diberi adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat tersebut.
- 5.14 Rayuan terhadap permohonan yang telah ditolak hendaklah dibuat kepada Bahagian Teknikal LHDN dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat penolakan tersebut.
- 5.15 Bagi keterangan lanjut, pemohon boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut di Bahagian Teknikal, Ibu pejabat LHDN, Kuala Lumpur.

	No. Tel.
Puan Siti Rosnah	6503260
Puan Rokiah	6503427
Encik Pang Say Hin	6503162
Cik Nor Hany	6503114

Unit 35, Bahagian Teknikal
Ibu Pejabat ,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
MALAYSIA.

November 2000